

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi isu lambakan permohonan PPR dengan unit perumahan yang tersedia khusus di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah untuk mengatasi isu lambakan perumahan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui agensi dibawahnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyedari keperluan penyewaan rumah kos rendah khususnya untuk rakyat berpendapatan rendah.

Pada masa ini, terdapat sejumlah **9,948** permohonan penyewaan rumah yang diterima oleh DBKL untuk menyewa rumah PPR dari tahun 2019 sehingga Ogos 2021. Permohonan yang diluluskan cuma sebanyak 627 dan yang dikeluarkan tawaran. Manakala 920 lagi masih menunggu tawaran unit kosong yang sedang di baik pulih dan juga untuk diserahkan kepada pemohon.

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, jumlah rumah yang dapat ditawarkan adalah terhad berbanding dengan jumlah permohonan yang diterima. Oleh itu, beberapa langkah sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan isu lambakan permohonan rumah sewa DBKL seperti berikut :-

- 1) Menyemak dan memperkemaskan semula proses permohonan bagi mempercepatkan keputusan permohonan sewa rumah PPR DBKL. Ini adalah untuk mempertingkatkan jumlah permohonan yang diproses dan diputuskan setiap bulan di mana secara purata sebanyak 75 permohonan kepada 150 permohonan sebulan.
- 2) Mempertingkatkan penguatkuasaan bagi membolehkan pengosongan rumah yang penyewa tidak mematuhi perjanjian penyewaan seperti menyewakan kepada orang lain dan tidak menetap di rumah berkenaan. Pada tahun 2020 sahaja untuk rekod, sebanyak 880 Notis Penguatkuasaan telah dikeluarkan dan daripada itu, sebanyak 309 buah unit rumah telah dirampas semula. Ini adalah untuk meningkatkan bilangan rumah yang boleh

ditawarkan kepada pemohon yang masih lagi dalam senarai simpanan.

- 3) Menambah baik dokumen kontrak penyewaan untuk memperketat saringan ke atas permohonan baharu dan pelanjutan tempoh penyewaan. Ini termasuklah pindaan ke atas pengemaskinian syarat-syarat penyewaan bagi memisahkan skim perumahan awam sama ada perumahan awam sewaan milik DBKL ataupun perumahan awam berbentuk hibrid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menebus guna tapak Perumahan Awam yang mempunyai satu atau dua bilik serta tidak sesuai diduduki untuk membangunkan perumahan bertingkat baharu yang lebih "*habitable*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan matlamat pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat di bawah Program Wilayah Prihatin, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui pelaksanaan pembangunan semula amat komited untuk memastikan faedah dan manfaat serta nilai tambah kepada persekitaran yang lebih kondusif dapat dinikmati oleh penduduk Kuala Lumpur. Antaranya ialah penyediaan perumahan mampu milik berkualiti yang mencukupi bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar.

Penduduk akan mendapat rumah ganti bagi setiap unit yang lebih selesa dan berkualiti dengan kemudahan dan prasarana yang lebih baik. Sebagai usaha untuk memperluaskan inisiatif pembangunan semula serta mengurangkan kos pembangunan yang perlu ditanggung oleh kerajaan, kementerian optimis kerjasama antara kerajaan dan swasta merupakan satu langkah bijak dengan menggalakkan lebih banyak penyertaan pihak swasta khususnya pemaju-pemaju dan pemilik hartanah yang berminat untuk melaksanakan pembangunan semula perumahan di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pihak KWP bersama DBKL telah mengenal pasti kawasankawasan perumahan yang telah usang serta tidak lagi kondusif untuk didiami dan sejumlah 15- tapak perumahan awam berpotensi telah dikenal pasti yang melibatkan 10,738 unit rumah dengan keluasan 110.78 ekar. Tapak-tapak yang dikenal pasti ini juga akan dijadikan sebahagian daripada senarai kawasan pembaharuan semula Kuala Lumpur di dalam Draf Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040.

Melalui inisiatif pembangunan semula, kerajaan telah berjaya membangunkan semula PA Razak Mansion di mana ia melibatkan 658 unit kediaman empat tingkat dan kini telah dinaiktarafkan kepada 21 tingkat dengan keluasan 880 kaki persegi seunit berserta fasiliti yang lebih lengkap dan moden. Projek ini telah siap pada Januari 2017 dan 658 orang pemilik unit juga telah selesai dipindahkan di kediaman baru pada Mac 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesinambungan kepada projek Razak Mansion ini, dua lagi projek perumahan awam bakal menjadi kenyataan iaitu Perumahan Awam Seri Pahang yang kini telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak dengan pembinaan 1,017 unit baharu dengan saiz kediaman berkeluasan 800 kaki persegi. Perumahan Awam Seri Pahang ini juga mengguna pakai konsep yang sama dengan Razak Mansion di mana penyewa ditawarkan membeli dengan harga cuma RM42 ribu sahaja seunit seperti perumahan Razak Mansion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM
A/L NACHIAPPAN**

TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tentang projek Residensi Wilayah, yang mana harga jualan bermula sekitar RM200,000, adakah pihak Kementerian bercadang menurunkan atau mewujudkan diskaun terutama bagi mereka yang pertama kali ingin memiliki rumah dan golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program Residensi Wilayah yang dahulunya dikenali sebagai RUMAWIP yang merupakan program rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan dengan harga jualan yang tidak melebihi RM300 ribu. Bukan RM200 ribu, seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator.

Ini kerana unit rumah Residensi Wilayah ini berkeluasan minima 900 kaki persegi bagi setiap unit dan khusus untuk mereka yang berpendapatan sederhana yakni M40.

Baru-baru ini, Residensi Wilayah telah diumumkan, seperti yang kita sedia maklum, telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, Residensi Wilayah ini telah dijenamakan sekali lagi sebagai Residensi Wilayah Persekutuan ataupun Residensi Wilayah Keluarga Malaysia.

Manakala Program Residensi Prihatin- ini yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator tadi- yakni yang sekarang ini dikenali sebagai Residensi Prihatin Keluarga Malaysia merupakan rumah mampu milik Wilayah Persekutuan dengan harga jualan yang tidak melebihi RM200 ribu satu unit dan setiap unit itu keluasan minima 750 kaki persegi. Yang tadi 900, yang ini 750. Rumah Residensi Prihatin Keluarga Malaysia ini adalah khusus untuk golongan B40. Ini khusus untuk mereka.

Kerana itu, bagi kedua-dua program rumah mampu milik Wilayah Persekutuan tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak ada, setakat ini, sebarang cadangan untuk menurunkan ataupun mewujudkan sebarang diskaun bagi kedua-dua program rumah mampu milik yang telah saya jelaskan tadi.

Harga jualan Residensi Keluarga Malaysia ini adalah tidak melebihi RM200 ribu seunit kerana berdasarkan kepada kajian kebolehlaksanaan pembangunan perumahan mampu milik Residensi Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan, ini adalah harga yang boleh menjadi tarikan kepada pemaju untuk membangunkan 100 peratus komponen Residensi Keluarga

NO SOALAN: 2

Malaysia tanpa melibatkan dana kerajaan di atas tanah milik kerajaan.

Perkara ini telah mengambil kira kos-kos yang perlu ditanggung oleh pemaju. Koskos tersebut yang meliputi kos tanah, kos pembinaan, infrastruktur, fasiliti, caj, sumbangan dan pematuhan serta kos pembiayaan serta kos-kos lain yang terlibat.

Kerana itu, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Residensi Prihatin yang berharga di bawah RM200 ribu dengan keluasan seperti yang saya sebut tadi, 750 kaki persegi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan penilaian terhadap keberkesanan program-program pekerjaan kepada para gelandangan seperti "*urban farming*" bagi mengubah cara hidup golongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sentiasa komited dalam membantu golongan gelandangan di ibu kota supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik.

Antaranya adalah mewujudkan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang yang menjadi pusat penempatan transit kepada gelandangan sejak tahun 2016 dan Pusat Transit Gelandangan di Taman Desa yang lebih dikenali sebagai Anjung Kelana bermula pada tahun 2021.

Selain menyediakan penempatan sementara, kementerian dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan PERKESO telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan menawarkan peluang pekerjaan kepada gelandangan untuk bekerja dalam sektor perkilangan, pembuatan, makanan, peruncitan dan perkhidmatan melalui Program Penempatan Pekerjaan. Inisiatif ini telah memberi kesan positif kepada kumpulan gelandangan di mana semenjak tahun 2020, seramai 235 orang gelandangan telah ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mewujudkan Pusat Transformasi Gelandangan atau dikenali sebagai Anjung Kelana di Taman Desa pada tahun ini untuk memberi fokus kepada kumpulan gelandangan untuk menjalani Program Bina Upaya. Objektif Program Bina Upaya adalah untuk mendedahkan gelandangan kepada kemahiran-kemahiran baharu seperti asas pertanian, percetakan dan kraf tangan supaya dapat memberi nilai tambah dan pendapatan baharu kepada golongan gelandangan ini. Program-program yang dilaksanakan di Anjung Kelana adalah berbentuk komuniti yang melibatkan kerjasama daripada badan bukan kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- a) jumlah projek perumahan yang telah dilancarkan di Kuala Lumpur melalui program Residensi Wilayah; dan
- b) jumlah permohonan dan penawaran mengikut kaum, jantina dan kumpulan pendapatan dan sejauh manakah penapisan tawaran mengutamakan kepelbagaian kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

A. Jumlah Projek Residensi Wilayah

Untuk makluman, **jumlah projek** perumahan mampu milik Kementerian Wilayah Persekutuan yang **telah dilancarkan** di Kuala Lumpur melalui program **Residensi Wilayah** adalah sebanyak **53 projek** dengan **36,402 unit** merangkumi projek **siap dan sedang dibina** sejak **Jun 2018 hingga 31 Ogos 2021**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **22 projek** dengan **11,664 unit** telah **siap dibina** dan **31 projek** dengan **24,738 unit** masih dalam pembinaan.

B. Jumlah Permohonan dan Penawaran

Untuk makluman, **jumlah permohonan** secara **atas talian** melalui **portal Residensi Wilayah** mulai tahun **2018 hingga 18 September 2021** adalah sebanyak **154,436 permohonan**. **Analisis penawaran** telah **dibuat berdasarkan** kepada sampel **data** yang dijana, iaitu sebanyak **22,128** orang pemohon yang **telah mendapat penawaran (60.8% daripada jumlah 36,402 unit)**.

C. Jumlah Permohonan dan Penawaran Mengikut Kaum

Penawaran dan tapisan permohonan Residensi Wilayah adalah **dibuat berdasarkan** kepada **Dasar Residensi Wilayah**. **Sekiranya** tanah adalah **tanah Kerajaan** dan **projek** adalah **usaha sama dengan pemaju**, **kuota Bumiputera** adalah **sebanyak 60%**. **Sekiranya** tanah adalah **tanah milik pemaju**, **kuota Bumiputera** sebanyak **50%**.

Daripada jumlah permohonan Residensi Wilayah **dari tahun 2018 hingga 2021**, **pecahan mengikut kategori kaum** iaitu **Bumiputera** adalah sebanyak **114,171 permohonan (73%)** dan **Bukan Bumiputera** adalah sebanyak **40,265 permohonan (27%)**. **Daripada jumlah penawaran**, **pecahan mengikut kategori kaum** iaitu **Bumiputera** adalah sebanyak **13,223 unit** dan **Bukan Bumiputera** adalah sebanyak **8,905 unit**. **Purata**

penawaran kepada **Bumiputera** adalah **sebanyak 60%**, manakala penawaran kepada **Bukan Bumiputera** adalah **sebanyak 40%**.

D. Jumlah Permohonan dan Penawaran Mengikut Kumpulan Pendapatan

Syarat kelayakan pemohon Residensi Wilayah adalah **maksimum RM10,000** pendapatan **bulanan** untuk **bujang** dan **maksimum RM15,000** untuk **isi rumah berkahwin**.

Daripada jumlah permohonan Residensi Wilayah, **pecahan** mengikut kumpulan pendapatan **RM5,000 dan ke bawah** adalah sebanyak **137,082 permohonan (89%)**, manakalah bagi **golongan berpendapatan melebihi RM5,000** adalah sebanyak **17,354 permohonan (11%)**. Daripada jumlah penawaran, **pecahan** mengikut kumpulan pendapatan **RM5,000 dan ke bawah** adalah **sebanyak 19,318 orang iaitu sebanyak 88%**. Manakala **penawaran** kepada golongan **berpendapatan melebihi RM5,000** adalah sebanyak **2,810 orang iaitu sebanyak 12%**.

E. Jumlah Permohonan dan Penawaran Mengikut Jantina

Daripada jumlah permohonan, **pecahan** mengikut **jantina** adalah sebanyak **80,737 orang pemohon lelaki (53%)**, dan sebanyak **73,699 orang pemohon perempuan (47%)**. Daripada jumlah tersebut **penawaran mengikut jantina** adalah sebanyak **11,351 orang lelaki**, dan sebanyak **10,777 orang perempuan**. Daripada jumlah penawaran, **pecahan mengikut jantina**, sebanyak **52%** adalah **lelaki** dan **48%** adalah **perempuan**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L
TUN SAMY VELLU**

SOALAN

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah rakyat Malaysia berbangsa India yang telah memohon dan berjaya mendapatkan lesen-lesen perniagaan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 2018-2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman daripada tahun 2018 sehingga tahun 2020 sebanyak **5961 permohonan lesen jenis penjaja** daripada rakyat Malaysia berbangsa India telah diterima dan **5392 daripada permohonan tersebut telah diluluskan** oleh DBKL. Manakala permohonan lesen jenis premis didaftarkan/ dikeluarkan atas nama syarikat.

Sekian, terima kasih.